

Headline	Gelandangan buat kaki lima bak rumah sendiri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	33	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	246 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,051
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,153



Gelandangan buat kaki lima bak rumah sendiri

KUALA LUMPUR: Ibarat rumah sendiri. Itu yang dapat digambarkan situasi di Jalan Masjid India pada sebelah malam apabila golongan gelandangan menjadikan kaki lima kedai di sekitar kawasan itu sebagai tempat untuk mereka tidur dan merehatkan diri.

Golongan gelandangan yang tidur beralaskan kotak itu mencemarkan imej kawasan berkenaan dan kebanyakan orang ramai takut ke situ pada sebelah malam akibat kebajir-jiran golongan terbabit.

Kebanyakan daripada mereka menjadikan kawasan itu sebagai rumah sendiri bukan saja mencemarkan imej tetapi mengotorkan sekitar Jalan Masjid India dengan membuang bekas makanan dan air merata-rata.

Gelandangan yang ditemui rata-rata adalah di kalangan mereka yang sudah lama menjadikan kawasan itu sebagai kediaman mereka dan tidak pernah serik walaupun pihak berkuasa melakukan penguatkuasaan.

Seorang gelandangan yang hanya mahu dikenali sebagai Mamat, 38, berkata, dia sudah menjadikan kawasan itu sebagai kediaman tetapnya selama hampir tujuh tahun dan sepanjang tempoh itu dia sudah ditahan sebanyak lima kali oleh pihak berkuasa namun tidak pernah menghiraukannya kerana sudah selesa tinggal di situ.

Katanya, dia dan adiknya memilih lokasi Jalan Masjid India sebagai 'port' tidur mereka kerana ia berdekatan dengan kawasan tumpuan orang ramai dan pada setiap malam akan ada pihak yang

datang ke situ untuk menghulurkan bantuan makanan.

"Kami sangat selesa tinggal di sini kerana makan dan minum kami bagai disediakan. Walaupun banyak kawasan lain seperti di Chow Kit dan Kampung Baru namun kebanyakan golongan gelandangan akan memilih kawasan ini.

"Saya tidak pernah serik untuk terus menjadikan kawasan ini sebagai tempat tidur saya walaupun sudah banyak kali ditahan pihak berkuasa dan akan kembali selepas dibebaskan," katanya yang menghidap penyakit HIV/ Aids.

Kehadiran ramai golongan gelandangan merisaukan kebanyakan peniaga di kawasan bazar yang mendakwa bimbang kehilangan barangan jualan.

